

GELAGAT USAHAWAN TERHADAP AKAUNTABILITI PERKHIDMATAN TADBIR URUS HAB HALAL

Siti Syuhadah Mohamad¹ & Salimah Yahya²

¹Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Kerajaan, Universiti Utara Malaysia

²Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang

ABSTRAK

Industri halal memperlihatkan unjuran positif setiap tahun. Perkembangan ini didorong oleh pelbagai faktor termasuk permintaan tinggi dari masyarakat bukan Islam. Selari dengan jumlah pasaran yang luas, terdapat peningkatan terhadap pensijilan halal dan bilangan usahawan. Analisis dan tinjauan kajian lepas menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pihak usahawan dan pihak tadbir urus hab halal. Kedua-dua pihak dilihat memainkan peranan penting dalam memperkasa tadbir urus baik daripada aspek akauntabiliti dalam industri halal. Oleh itu, kajian ini cuba mengenal pasti dan menganalisis aspek akauntabiliti terhadap pihak tadbir urus Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) daripada perspektif usahawan. Bagi memenuhi objektif, kaedah analisis kandungan dan statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis data. Hasil kajian mendapati pihak tadbir urus hab halal JHEAIPP berada di tahap yang baik dalam memenuhi aspek akauntabiliti. Kecekapan pihak tadbir urus mampu meletakkan Malaysia selangkah ke hadapan dalam industri halal dan mampu bersaing dengan negara-negara pengeluar utama produk halal lain. Dapatan kajian ini dapat menjelaskan tahap akauntabiliti pihak tadbir urus hab halal dari perspektif usahawan sekali gus dapat membantu pihak tadbir urus dalam memperkasa industri halal.

Kata Kunci: *Gelagat Usahawan, Akauntabiliti, Tadbir Urus Baik, Hab Halal*

ENTREPRENEURIAL BEHAVIOR TOWARDS THE ACCOUNTABILITY OF HALAL HUB GOVERNANCE

ABSTRACT

The halal industry shows a positive improvement every year. This development is driven by a variety of factors including high demand from non-Muslim communities. In line with the wide market volume, there has been an increase in halal certification and the number of entrepreneurs. Analysis and review of past studies shows that there is a significant relationship between the entrepreneurs and the halal hub governance. Both parties are seen to play an important role in strengthening good governance especially from accountability perspective in the halal industry. Therefore, this study attempts to identify and analyze the aspects of accountability towards the management of the Penang Islamic Religious Affairs Department (JHEAIPP) from the perspective of entrepreneurs. To meet the objectives, content analysis and descriptive statistics are used to analyze data. The findings show that JHEAIPP's halal hub governance is well-placed in meeting the aspects of accountability. The efficiency of the governance can put Malaysia one step forward in the halal industry and is able to compete with other major halal products producing countries. The findings of this study explain the level of accountability of halal hub governance from the perspective of entrepreneurs, thus helping the governors in strengthening the halal industry.

Keywords: *Entrepreneur Behavior, Accountability, Good Governance, Halal Hub*

PENGENALAN

Berdasarkan laporan bajet 2019, Malaysia menasaskan menjadi negara hab halal dunia menjelang 2020. Seiring dengan itu, dilihat Industri halal dengan potensi yang luas telah menarik perhatian pelbagai pihak termasuk daripada kalangan negara bukan Islam. Permintaan yang tinggi dalam kalangan pengguna Islam dan bukan Islam terhadap produk halal telah menjadikan pasaran produk halal semakin meningkat. Secara umumnya, pasaran halal dunia didominasi oleh negara dan pengusaha bukan Islam. Didapati bahawa pengusaha bukan Islam lebih cenderung untuk memiliki pensijilan halal berbanding pengusaha beragama Islam di Malaysia dan di Pulau Pinang secara khususnya. Tidak ketinggalan juga perkembangan positif industri halal di Malaysia adalah selari dengan perkembangan sektor ini di peringkat antarabangsa. Menurut Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Saifuddin Nasution jumlah pasaran produk halal dunia dianggarkan mencecah AS\$6.4 trilion (kira-kira RM26.67 trilion) (Fairul Asmaini Mohd Pilus, 2018).

Kesedaran terhadap manfaat produk halal secara tidak langsung telah mempengaruhi trend produk halal yang semakin meningkat. Berdasarkan statistik MITI (2015), daripada jumlah pasaran halal dunia, Malaysia telah mengeksport sebanyak RM 32.8 bilion produk halal pada tahun 2013 (MITI, 2014), 37.7 bilion pada tahun 2014 (Hafiz Ithnin, 2015) 39.4 bilion pada tahun 2015 dan jumlah ini meningkat kepada 42.2b pada 2016 (Hafiz Ithnin, 2017). Menurut Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC), pada 2018 eksport produk halal negara sudah mencecah RM43 bilion eksport industri halal tempatan yang turut diunjurkan berkembang kepada RM50 bilion menjelang 2020 (Nora Mahpar, 2018).

Selari dengan perkembangan industri halal negara yang memberangsangkan, bilangan usahawan yang menceburi industri halal turut menunjukkan peningkatan setiap tahun (HDC, 2014). Dalam industri halal, pihak usahawan produk halal dan pihak tadbir urus hab halal merupakan antara komponen penting bagi merencanakan perkembangan sektor ini. Statistik di peringkat negara dan negeri masing-masing menunjukkan bahawa pengusaha bukan Islam lebih mendominasi dan lebih cenderung terhadap industri halal. Statistik menunjukkan 74 peratus usahawan yang menceburi industri halal terdiri daripada usahawan bukan Islam dan bilangan ini semakin meningkat saban tahun (Wan Mohamad Sheikh Abdul Aziz, 2010). Namun begitu, berdasarkan kajian-kajian lepas, laporan media sering memaparkan aktiviti penyelewengan terutamanya melibatkan pengusaha bukan Islam. Terdapat pelbagai penemuan yang mengetengahkan permasalahan pensijilan halal palsu antaranya

Abdullah Wahab (2012), Angelina Sinyang (2010). Walaupun penyelewengan pensijilan halal dilakukan oleh segelintir usahawan, namun permasalahan ini memberi kesan kepada keyakinan pengguna terhadap pensijilan halal sekali gus mencalarakan imej pihak tadbir urus.


Selari dengan jumlah pengusaha bukan Islam yang tinggi, bilangan pengusaha yang menyalahgunakan pensijilan halal turut didominasi oleh pengusaha bukan Islam. Penyalahgunaan pensijilan halal yang berlaku dalam kalangan pengusaha bukan Islam juga turut menjadikan akauntabiliti pihak tadbir urus selaku pengeluar pensijilan halal sering mendapat perhatian. Penyalahgunaan pensijilan halal dalam kalangan usahawan menjadikan pihak tadbir urus sebagai sasaran dan menjadikan aspek integriti dan akauntabiliti pihak tadbir urus sering dipertikaikan. Kesannya imej tadbir urus akan tercalar akibat sikap kurang peka sesetengah pengusaha yang mengambil jalan mudah dan kurang sensitif terhadap isu halal.

Aspek akauntabiliti merupakan aspek penting dalam industri halal baik kepada pihak usahawan mahupun pihak tadbir urus, selain sering diguna pakai bagi mengukur tahap kecekapan institusi awam. Aspek akauntabiliti dalam kalangan pihak usahawan juga sering diketengahkan oleh media. Daripada perspektif penjawat awam aspek akauntabiliti membawa maksud tanggungjawab pegawai-pegawai dan kakitangan awam dalam melaksanakan tugas-tugas yang diserahkan. Selain itu, akauntabiliti juga merangkumi pelaksanaan tugas-tugas tersebut mengikut peraturan yang telah ditetapkan, undang-undang yang berkuat kuasa, prosedur dan arahan, contohnya pegawai-pegawai perlulah cekap dan mengutamakan sikap berhati-hati dan cermat. Akauntabiliti perlu menjadi amalan dan budaya kerja setiap penjawat awam bagi mengelakkan pihak tadbir urus kurang memahami prinsip dalam akauntabiliti seperti kurang jelas tentang pemahaman terhadap bidang tugas masing-masing. Akauntabiliti memerlukan sikap yang ikhlas, jujur di samping sistem yang mantap untuk memastikan disiplin penjawat awam tidak tergugat dengan gejala penyelewengan (Ahmad Khairi Paimin, t.t.). Oleh itu, kajian ini bertujuan meneliti aspek tadbir urus baik akauntabiliti. Dalam kajian ini, aspek akauntabiliti diteliti kerana melibatkan aspek makanan yang menjadi kewajipan kepada pengguna Islam dalam memakan makanan yang halal.

Perbincangan di bahagian seterusnya merangkumi kerangka kajian, metodologi kajian, dapatan kajian serta kesimpulan dan cadangan. Dalam konteks ini, kajian difokuskan kepada kerangka gelagat usahawan dan penelitian mengenai tadbir urus difokuskan kepada ciri-ciri tadbir urus baik (*Good Governance*) berdasarkan aspek akauntabiliti. Kerangka kajian ini terbina hasil daripada penelitian di bahagian sorotan karya dan telah diubahsuai mengikut kesesuaian gelagat pihak usahawan.

KERANGKA KAJIAN

Rajah 1 menunjukkan kerangka kajian yang bermula daripada faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan gelagat iaitu faktor pengaruh peribadi, pengaruh psikologi dan pengaruh sosial. Kemudiannya, faktor-faktor ini membentuk gelagat usahawan. Gelagat usahawan produk halal dinilai terhadap pihak tadbir urus hab JHEAIPP berdasarkan salah satu ciri tadbir urus baik iaitu akauntabiliti yang sering digunakan dalam sektor awam.



Rajah 1: Kerangka Kajian

Kerangka kajian ini dijadikan sebagai alat analisis bagi menjelaskan kedudukan sebenar aspek akauntabiliti terhadap pihak tadbir urus (JHEAIPP) daripada perspektif usahawan. Seterusnya, perbincangan diteruskan berkaitan metodologi kajian yang diguna pakai dalam kajian ini.

METODOLOGI KAJIAN

Bahagian ini dibahagikan kepada dua iaitu sampel dan metodologi kajian serta instrumen kajian. Metodologi yang dibincangkan digunakan untuk menganalisis data kajian.

Sampel dan Metodologi Kajian

Bagi meneliti isu ini, skop kajian difokuskan kepada Negeri Pulau Pinang. Justifikasi pemilihan Pulau Pinang berikutan negeri ini merupakan antara yang terawal dan menjadi pelopor dalam proses penyeragaman pensijilan halal (Siti Syuhadah Mohamad, 2010). Pulau Pinang turut merupakan antara negeri yang paling progresif di Malaysia dalam industri halal (PIHH, 2010). Pulau Pinang juga merupakan negeri yang mempunyai banyak syarikat multi-nasional dan negeri pertama yang bersetuju dengan langkah penyeragaman sijil halal menurut Saimah Mokhtar, Pengarah Hab Halal (Melati Mohd Arif, 2012). Dari sudut metodologi pula, bagi menilai tahap akauntabiliti pihak tadbir urus, sebanyak 100 orang responden dipilih dalam kalangan usahawan produk halal di Pulau Pinang. Senarai usahawan produk halal diperoleh dari portal JHEAIPP. Borang soal selidik diedarkan dan temu bual dijalankan bagi mendapatkan pandangan usahawan selaku pengguna perkhidmatan terhadap pihak tadbir urus hab halal. Teknik analisis kandungan dan analisis deskriptif digunakan bagi menganalisis dapatan kajian.

Instrumen Kajian

Skala *Likert 5-point* digunakan dalam kajian ini. Terdapat 5 skala digunakan bagi menilai tahap akauntabiliti pihak tadbir urus. Perincian skala adalah seperti yang dipamerkan dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1: Skala Kajian

Maksud	Skala	Tafsiran Persepsi
Sangat Tidak Setuju	1	Persepsi negatif
Tidak Setuju	2	
Antara Setuju dan Tidak Setuju	3	Persepsi tidak pasti
Setuju	4	Persepsi positif
Sangat Setuju	5	

Berdasarkan Jadual 1.1, skala 1 dan 2 mewakili tafsiran negatif responden terhadap tahap akauntabiliti. Skala 3 tidak pasti manakala skala 4 dan 5 persepsi positif terhadap pihak tadbir urus hab halal. Bagi nilai pula, tahap bagi min ditentukan seperti Jadual 1.2

Jadual 1.2 Jadual Nilai Min

Nilai Min	Tafsiran Persepsi
1.00 hingga 2.33	Rendah
2.34 hingga 3.67	Sederhana
3.68 hingga 5.00	Tinggi

(Sumber: Misnan Jamal, 2008)

Jadual 1.2 menjelaskan hubungan antara nilai min dan tafsiran persepsi responden. Bagi nilai min 1.00 hingga 2.33 tafsiran persepsi berada di tahap yang rendah. Diikuti dengan nilai min 2.34 hingga 3.67 dengan tafsiran persepsi yang sederhana. Bagi tafsiran persepsi yang tinggi dan baik nilai min adalah antara 2.68 hingga 5.00. Penilaian respons usahawan produk halal di Pulau Pinang terhadap pihak tadbir urus hab halal JHEAIPP mengandungi 7 item yang meliputi aspek akauntabiliti.

DAPATAN KAJIAN

Beberapa analisis seperti ujian analisis faktor, ujian kebolehpercayaan dan analisis nilai min dijalankan terhadap aspek ciri tadbir urus baik akauntabiliti.

Analisis Faktor

Dalam bahagian ini ujian analisis faktor dijalankan bagi menentukan tahap kesahan konstruk. Analisis faktor dijalankan bertujuan untuk menyusun sebilangan item soal selidik mengikut signifikannya. Kaiser Meyer Olkin (1970) mencadangkan bahawa nilai yang tidak boleh diterima dalam statistik KMO sekiranya di bawah nilai 0.5, ujian seterusnya tidak dapat dilakukan. KMO juga mencadangkan nilai seperti berikut:

Jadual 4.1: Jadual Interpretasi Faktor Analisis

- Nilai 0.5 hingga 0.7 - Sederhana.
- Nilai 0.71 hingga 0.8 - Baik.
- Nilai 0.81 hingga 0.9 - Sangat Baik.
- Nilai >0.9 - Teramat Baik.

Sumber: Kaiser-Meyer-Olkin (1970)

Jadual 4.1 menunjukkan interpretasi faktor analisis. Hasil ujian faktor analisis dibincangkan seperti di Jadual 4.2.

Jadual 4.2: Dapatan Analisis Faktor Akauntabiliti

KMO and Bartlett's Test			
Kaiser-Meyer-Olkin Adequacy.	Measure of Sampling		.754
Bartlett's Test of Sphericity	Approx. Chi-Square Df Sig.		1017.878 21 .000

Bagi ciri tadbir urus baik akauntabiliti, terdapat 7 item diteliti. Nilai KMO bagi ciri tadbir urus baik akauntabiliti berada di tahap yang baik dengan nilai KMO adalah 0.75 iaitu melebihi 0.71.

Ujian Kebolehpercayaan

Ujian kebolehpercayaan dijalankan bagi mengukur keupayaan item yang digunakan dalam kajian. Jadual 4.3 menunjukkan item akauntabiliti mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi dengan nilai alfa melebihi 0.9.

Jadual 4.3 : Jadual Nilai Pekali *Alfa Cronbach* Bagi Akauntabiliti

Item	Bilangan Item	<i>Alfa Cronbach</i>
Akauntabiliti	7	0.948

Nilai pekali *Alfa Cronbach* yang tinggi menunjukkan kesemua item dalam soal selidik berkaitan ciri tadbir urus baik akauntabiliti mencapai konsistensi jawapan dalam kalangan responden.

Ciri Tadbir Urus Baik Akauntabiliti

Aspek akauntabiliti merupakan salah satu aspek penting dalam ciri tadbir urus baik yang sering diguna pakai bagi mengukur tahap kecekapan institusi awam. Terdapat 7 item akauntabiliti diperincikan seperti Jadual 4.4.

Jadual 4.4: Nilai Min Bagi Ciri Tadbir Urus Baik Akauntabiliti

Pernyataan	Maklum Balas Negatif (%)	Maklum Balas tidak pasti (%)	Maklum Balas Positif (%)	Min	Interpretasi
Sepanjang berurusan dengan pihak tadbir urus, saya dapati pihak tadbir urus unit halal JHEAIPP:-					
Mengetahui perkembangan status halal syarikat saya.	1	11	88	4.05	Tinggi
Mematuhi sistem dan prosedur berkaitan pengeluaran pensijilan halal.	0	6	94	4.12	Tinggi
Bekerja sebagai satu pasukan dengan agensi luar yang terlibat.	3	13	84	3.98	Tinggi
Memberi keterangan tentang kepentingan pensijilan halal.	3	8	89	4.06	Tinggi
Membantu memberi informasi tentang kefahaman halal dan haram.	7	4	89	4.06	Tinggi
Memberi informasi supaya tidak berlaku penyelewengan pensijilan halal.	7	5	88	4.03	Tinggi
Memberi kefahaman tentang akibat penyalahgunaan pensijilan halal.	3	10	87	4.05	Tinggi

Berdasarkan Jadual 4.4, didapati nilai skor min bagi kesemua 7 item adalah 4.05. Nilai ini menunjukkan respons positif hubungan gelagat usahawan dengan perkhidmatan tadbir urus hab halal JHEAIPP berada di tahap yang baik dalam konteks akauntabiliti. Maklum balas daripada responden

mempamerkan majoriti besar responden berpandangan positif terhadap aspek akauntabiliti yang diamalkan oleh pihak tadbir urus hab halal JHEAIPP. 96 peratus responden menyatakan pendirian positif memperakui bahawa sepanjang berurusan dengan pihak tadbir urus hab halal JHEAIPP, pihak tadbir urus JHEAIPP mematuhi sistem dan prosedur berkaitan pengeluaran pensijilan halal manakala hanya 6 peratus yang kurang pasti.

Di sebalik maklum balas positif yang diberikan oleh pihak usahawan terdapat dua item yang mempunyai maklum balas negatif iaitu sebanyak 7 peratus. Kedua-dua item ini melibatkan aspek informasi. Aspek informasi berkait rapat dengan aspek psikologi dan sosial yang mempengaruhi gelagat usahawan. Aspek informasi tentang diperolehi berkaitan aspek halal dan haram dan aspek informasi berkaitan penyalahgunaan pensijilan halal masing-masing mendapat 7 peratus maklum balas negatif. Aspek informasi ini dilihat penting kerana ia mempengaruhi pengetahuan pengusaha terutama yang bukan beragama Islam. Menurut Zawanah et al. (2008) segelintir golongan bukan Islam menganggap produk halal adalah suatu yang mempunyai kualiti, mutu dan prospek ekonomi semata-mata, sedangkan bagi umat Islam, menggunakan produk halal merupakan tuntutan agama. Kesilapan informasi dan kurangnya kefahaman seperti ini mampu membawa kepada punca berlakunya penyelewengan pensijilan halal. Aktiviti penyelewengan dalam industri halal secara tidak langsung meninggalkan impak yang besar kepada masyarakat Islam terutama pihak tadbir urus yang mengendalikannya pensijilan halal.

Hal ini juga selari dengan penemuan kajian Ahmad Nizam Abdullah (2006) dan Khaizuran Abd. Jalil (2007) yang mendapati terdapat koordinasi yang lemah dalam aspek penyampaian maklumat antara pihak kerajaan dan pihak swasta terhadap pihak usahawan. Kelemahan sistem penyampaian dibuktikan dengan majoriti pihak usahawan tidak mendapat sebarang bantuan daripada pihak kerajaan. Situasi ini berlaku berikutan kurangnya promosi dan pendedahan maklumat mengenai bantuan yang ditawarkan kepada usahawan yang menceburi industri halal berikutan sistem penyampaian yang kurang efektif. Walau bagaimanapun dalam konteks Negeri Pulau Pinang ia hanya melibatkan bilangan responden yang kecil yang tidak mendapat informasi berkaitan halal.

Dapatan kajian menemukan kerjasama yang diberikan oleh pihak tadbir urus hab halal kepada usahawan produk halal adalah baik. Penemuan kajian menunjukkan pihak pengusaha senang bekerjasama dan mendapat bimbingan yang baik daripada pihak tadbir urus. Majoriti responden berpandangan positif terhadap kerjasama yang baik diberikan oleh pihak tadbir urus hab halal JHEAIPP. Kerjasama baik yang ditunjukkan secara tidak langsung telah menarik lebih ramai bilangan usahawan menceburi industri halal. Statistik pemegang halal negeri Pulau Pinang memperlihatkan peningkatan setiap tahun (Portal Kerajaan Negeri Pulau Pinang, 2017).

Berdasarkan pemerhatian didapati pelbagai inisiatif telah dijalankan di pelbagai peringkat negara dan negeri dalam usaha membantu pihak usahawan memperoleh dan memahami kepentingan pensijilan halal. Menurut Ketua Unit Pengurusan Halal Pulau Pinang, pihak tadbir urus hab halal JHEAIPP sering mengadakan bengkel dan seminar untuk memberikan penerangan kepada usahawan untuk memberi pendedahan berkaitan industri halal. Ekspo halal yang diadakan setiap tahun yang menggabungkan usaha pihak kerajaan negeri dan JHEAIPP dilihat salah satu inisiatif yang baik menarik pihak usahawan menceburi industri halal antaranya seperti PIHEC. Daripada perspektif usahawan, majoriti usahawan turut memperakui bahawa pihak tadbir urus hab halal JHEAIPP banyak membantu semasa proses permohonan pensijilan halal dibuat.

Jika dilihat item tiga iaitu bekerja sebagai satu pasukan dengan agensi luar yang terlibat dapatan kajian mendapati 3 peratus responden berpandangan negatif manakala 13 peratus lagi tidak pasti. Hal ini menunjukkan terdapat minoriti responden yang tidak mengetahui mahupun tidak melihat keserasian sewaktu pihak tadbir urus hab halal JHEAIPP bekerjasama dengan agensi lain. Terdapat pelbagai agensi yang terlibat dalam proses penilaian sebelum memberikan pensijilan halal dalam aktiviti pemantauan mahupun dalam aktiviti penguatkuasaan. Walau bagaimanapun sebahagian besar responden berpuas hati dan memperakui bahawa pihak tadbir urus hab halal JHEAIPP bekerjasama dalam satu pasukan dengan agensi lain.

Aspek komunikasi dan koordinasi turut mendapat perhatian Mohamad Zahimi Harun (2007) daripada perspektif berbeza. Penemuan beliau mendapati aspek komunikasi dan koordinasi yang lemah antara agensi berpunca daripada aspek modal insan yang kurang diberi perhatian oleh pihak tadbir urus hab halal. Selain itu Mohamad Zahimi Harun (2007) turut memperakui terdapat kurangnya

keselarasan antara agensi-agensi kerajaan dalam menangani isu-isu halal di Malaysia. Ini adalah kerana koordinasi yang lemah antara pihak yang terlibat dan terpaksa bergantung antara satu sama lain dalam menjalankan tugas penguatkuasaan. Secara tidak langsung, masalah ini memberi kekangan kepada pihak tadbir urus dalam menjalankan tugas. Oleh yang demikian, pihak tadbir urus sedang dalam peringkat akhir membuat pindaan terhadap akta berkaitan halal sedia ada. Penggubalan akta halal pada yang diramalkan berlaku pada tahun ini juga memperlihatkan pihak tadbir urus serius dalam menangani isu-isu halal dengan memperkasa akta sedia ada.

Secara ringkasnya, dapatan kajian menemukan bahawa respons gelagat usahawan terhadap perkhidmatan tadbir urus hab halal JHEAIPP adalah baik dan memenuhi ciri tadbir urus baik akauntabiliti. Walau bagaimanapun terdapat beberapa aspek kecil yang masih boleh diperbaiki bagi memperkasa tahap akauntabiliti pihak tadbir urus.

Selain itu, tahap akauntabiliti yang baik turut diperlihatkan daripada pihak usahawan produk halal sama ada Islam dan bukan Islam. Hal ini dibuktikan apabila laporan dari Jamil Khir Baharom, menyatakan bahawa kes penyelewengan pensijilan halal hampir sifar (Utusan Online, 2018). Secara tidak langsung laporan yang dikemukakan menunjukkan tahap kefahaman dan akauntabiliti usahawan terutama bukan Islam semakin baik. Penemuan ini membawa perkembangan positif kepada industri halal negara apabila kedua-dua pihak iaitu usahawan dan pihak tadbir urus masing-masing mempamerkan tahap akauntabiliti yang tinggi.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Ringkasnya, aspek akauntabiliti pihak tadbir urus mendapat maklum balas yang positif daripada perspektif usahawan. Hal ini menunjukkan tahap keyakinan yang tinggi usahawan produk halal terhadap pihak tadbir urus daripada aspek akauntabiliti. Item yang mendapat maklum balas negatif dan sederhana hanya melibatkan sebilangan kecil responden. Perhatian serius terhadap aspek yang mendapat maklum balas negatif dan sederhana seharusnya diberikan oleh pihak tadbir urus bagi memperkasa aspek akauntabiliti dalam perkhidmatan yang diberikan. Penggubalan Akta Halal yang akan diluluskan dan dikuatkuasakan menunjukkan pihak tadbir urus serius dalam menangani isu halal. Akta Halal juga dijangka dapat memperkasa pihak tadbir urus supaya dapat mengambil tindakan dengan lebih tegas terhadap masalah-masalah berkaitan isu halal.

Secara keseluruhannya maklum balas usahawan terhadap aspek akauntabiliti pihak tadbir urus hab halal mendapat respons positif dengan nilai min yang tinggi. Respons positif secara tidak langsung menjelaskan bahawa penyalahgunaan pensijilan halal dalam kalangan segelintir usahawan produk halal di Pulau Pinang tidak menjejaskan tahap akauntabiliti pihak tadbir urus hab halal JHEAIPP. Respons usahawan produk halal menunjukkan pihak usahawan mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap aspek akauntabiliti pihak tadbir urus sekali gus dapat mempengaruhi penglibatan pihak usahawan untuk menceburi industri halal.

Sebagai cadangan kajian terhadap aspek-aspek tadbir urus lain perlu diteliti bagi melihat tahap kecekapan pihak tadbir urus hab halal. Antara aspek tadbir urus yang boleh diteliti pada masa hadapan adalah integriti, amanah, pengawasan dan ketelusan. Kajian juga boleh dijalankan di negeri-negeri lain di Malaysia. Aspek tadbir urus yang baik mampu memberi kesan positif terhadap perkembangan industri halal. Selain turut menjadikan Malaysia lebih kompetitif pada masa hadapan dan mampu bersaing dengan negara-negara pengeluar utama dalam industri halal terutamanya di Asia seperti Singapura, Thailand, Vietnam dan Filipina.

RUJUKAN

- Abdullah Wahab. (2002, 17 Februari). Guna Sijil Halal palsu. *Harian Metro Online*. Diakses dari <http://www.hmetro.com.my/myMetro/articles/Gunasijilhalalpalsu/Article> pada 4 Mei 2014.
- Ahmad Farizal Hajat. (2013, 19 September). Hab Halal Terbesar Dunia. *Berita Harian Online*. Diakses dari <http://www.bharian.com.my/articles/HabhalalTerbesardunia/Article/> pada 20 Oktober 2013.
- Ahmad Khairi Paimin. (t.t.). *Akauntabiliti dalam Sistem Tadbir Urus Organisasi Sekolah*. Diakses dari <http://files.sipsispcpontian.webnode.com/200001923-135c714539/AKAUNTABILITI%20DALAM%20SISTEM%20TADBIR%20URUS%20ORGANISASI%20SEKOLAH.pdf> pada 16 Januari 2019.
- Ahmad Nizam Abdullah. (2006). *Perception and Awareness Among Food Manufacturers and Marketers on Halal Food in the Klang Valley*. Tesis Sarjana Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, Universiti Putra Malaysia.
- Angelina Sinyang. (2010, 4 Mac). Restoran Guna Sijil Halal Palsu. *Utusan Online*. Diakses dari http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0304&pub=Utusan_Malaysia&secDalam_Negeri&pg=dn_07.htm pada 3 Jun 2014.
- Fairul Asmaini Mohd Pilus. (6 Disember 2018) *Berita Harian Online*. Malaysia komited teraju industri halal global - Saifuddin Nasution. Diakses dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/12/506221/malaysia-komited-teraju-industri-halal-global-saifuddin-nasution> pada 12 Januari 2019.
- Hafiz Ithnin. (2015, 16 Mac). Ekonomi Global Tak Menentu. *Harian Metro Online*. Diakses dari <http://www.hmetro.com.my/node/37227> pada 20 Mac 2015.
- Hafiz Ithnin. (2017, 16 Jun). Ekspor halal naik 7.1 peratus. *Harian Metro Online*. Diakses dari <https://www.pressreader.com/malaysia/harian-metro/20170616/282385514502468> pada 12 Mac 2018.
- Halal Industry Development Corporation (HDC). (2014). *Statistik Certified Halal*. Diakses dari http://www.hdcglobal.com/publisher/gwm_industry_statistics pada 20 Januari 2015.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2017). *Maklumat Asas Negeri Pulau Pinang 2013*. Diakses dari <https://www.penang.ekonomi/1.%20DEMOGRAFI%20&%20EKONOMI.pdf> pada 25 Mei 2018.
- Kaiser, H.F. (1970). *A second generation Little Jiffy*. *Psychometrika*, 35, 401-415. Diakses dari <http://link.springer.com/article/10.1007%2FBF02291817?LI=true#page> pada 15 Jun 2014.
- Khaizuran Abd. Jalil. (2007). *Framing Halal: The Effects of Halal Brand on Corporate Image and Reputation in Malaysia*. Disertasi Sarjana Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge, Universiti Islam Antarabangsa.
- Melati Mohd Arif. (2012, 10 Februari). Pentingnya Sijila Halal. *Bernamea*. Diakses dari <http://kpdnkk.bernama.com/newsBm.php?id=474777> pada 2 Mei 2013.
- MIHAS. (2015). *Malaysia Aims to Energise the Halal Ecosystem Through the World Halal Summit*. Diakses dari <http://www.mih.com.my/malaysia-aims-to-energise-the-halal-ecosystem-through-the-world-halal-summit/> pada 15 April 2015.

- Misnan Jamal. (2008). Amalan Pengajaran Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Tilawah al-Quran Sekolah-Sekolah Menengah. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mohamad Zahimi Harun. (2007). Cabaran Malaysia sebagai Hab Makanan Halal. Tesis Sarjana Fakulti Ekonomi, Universiti Utara Malaysia, Kedah.
- Mohd Zaky Zainuddin. (2015, 30 Mac). HCMS Urus Pensijilan Halal Atas Talian. *Berita Harian Online*. Diakses dari <http://www.bharian.com.my/node/44277> pada 4 April 2015.
- Nora Mahpar. (2018, 17 Disember). Eksport halal Malaysia dijangka RM50 bilion menjelang 2020. *Berita Harian Online*. Diakses dari <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2018/12/510208/eksport-halal-malaysia-dijangka-rm50-bilion-menjelang-2020> pada 2 Januari 2019.
- PIHH. (2010). *About PIHH. Introduction To Penang International Halal Hub*. Diakses dari http://www.halalpenang.com/about_pihh.php pada 24 April 2012.
- Portal JHEAIPP (2017). *Pemegang Sijil Halal Produk Makanan April 2018*. Diakses dari <http://jaipp.penang.gov.my/index.php/halal> pada 22 Mei 2018.
- Portal Kerajaan Negeri Pulau Pinang. (2014). *5th Penang International Halal Expo & Conference 2014*. Diakses dari <http://www.penang.gov.my/index.php/2013-04-01-05-24-51/koleksi-yab-km/2801-5th-penang-international-halal-expo-conference-2014> pada 5 September 2014.
- Siti Syuhadah Mohamad. (2010). *Persepsi Kakitangan Pengurusan Tertinggi Unit Halal dan Usahawan Terpilih Terhadap Tadbir Urus Hab Halal: Kajian Kes di Kedah dan Pulau Pinang*. Disertasi Sarjana Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Utusan Online. (2018, 19 Mac). Diakses dari <http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/kl-putrajaya/kesalahan-sijil-halal-palsu-hampir-sifar-1.630473> pada 29 Mei 2018.
- Wan Mohamad Sheikh Abdul Aziz. (2010, Disember 18). Logo halal lebih 'mahal' daripada nilai produk. *Berita Harian Online*. Diakses dari http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Logohalallebih__8216_mahal__8217_daripadaniilaiproduk/Article/print_html pada 8 Januari 2011.
- Zawanah Muhammad, Munir Md. Salleh, & Abdul Muhaimin Mahmood. (2008). Halal: Antara Tuntutan Agama dan Strategi Ekonomi. *Jurnal Penyelidikan Islam*, 33-58.